

Minah rempit ghairah cari keseronokan, pinggir harga diri

B/14 6/8/2011
16.


Kebanyakan berusia antara 16 hingga 22 tahun

EKSKLUSIF

Oleh Rashiqah Ilmi Abd Rahim dan Nadia Hamid
bminggu@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Ghairah mencari keseronokan, bebas daripada kongkongan keluarga, tersepit dalam kemiskinan dan sukakan perhatian lelaki menyebabkan aktiviti berlumba haram bukan setakat membabitkan remaja lelaki, malah juga gadis walaupun usia masih sunti.

Minah rempit diklasifikasikan sebagai individu wanita yang terabit dalam aktiviti rempit sama ada menunggang yang biasanya didominasi perempuan berperawakan lelaki atau tomboi, teman wanita merangkap pembonceng mat rempit atau ahli kumpulan sorak semasa perlumbaan haram.



MINAH rempit sering dijadikan hadiah taruhan dalam perlumbaan haram.



PERTAMBAHAN minah rempit dipercayai sub-budaya baru dalam komuniti masyarakat serta semakin menguasai dunia jalanan.

Jika dulu, perhatian masyarakat lebih tertumpu kepada aksi wheelie dan wikang di kalangan penunggang lelaki, namun pertambahan minah rempit dipercayai sebagai sub-budaya baru dalam komuniti masyarakat serta semakin menguasai dunia jalanan.

Berdasarkan kajian Ketua Program Kem Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA), Prof Madya Dr Rozmi Ismail, kebanyakan minah rempit mudah ditemui di bandar besar berbanding negeri lain, tetapi dipercayai berasal dari kampung.

Katanya, identiti minah rempit mudah dikenali menerusi cara berpakaian menjolok mata, penggunaan bahasa kasar, perwatakan menggodanya, pergaulan bersahaja tanpa batasan antara lelaki dan wanita serta sering mengikuti aktiviti bermotosikal bersama kumpulan mat rempit daripada awal sehingga akhir aktiviti.

Kebanyakan minah rempit dipercayai berusia antara 16 hingga 22 tahun dan dikatakan tidak berpelajaran tinggi sebaliknya hanya setakat Sijil Pelajaran Malaysia



Minah rempit bangga bercerita menjadi perhatian lelaki walaupun ada antara mereka terpaksa menanggung 'balak' (teman lelaki) kerana cenderung tertarik dan terpedaya keberanian serta kegagahan aksi akrobatik 'hero' masing-masing ketika memecut

Dr Rozmi Ismail
Ketua Program
Kem Pusat Pemerksaan Remaja



(SPM) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR).

"Hampir 90 peratus minah rempit yang ditemui mempunyai perwatakan menarik, lincah, ramping serta menyamai model komersial. Tidak keterlaluan jika dikatakan rupa paras minah rempit mampu menarik perhatian dan menggugat keimanan lelaki.

"Berdasarkan kajian daripada 100 responden di kalangan mat rempit, 20 peratus daripada mereka mengakui melakukan hubungan seksual dengan minah rempit. Bertukar-tukar pasangan adalah perkara biasa," katanya.

Tambahan pula, 80 peratus daripada minah rempit tegar yang ditemui dipercayai sudah tiada dara akibat kerakusan dan kegilaan berseronok tanpa batasan menyebabkan mereka tidak kisah menawarkan khidmat seks secara percuma.

Bahkan, dipercayai perbuatan jijik itu dilakukan dengan perasaan bangga tanpa mengira tempat sama ada di atas motosikal, tepi jalan mahupun di tempat lepak mereka

apabila timbul keinginan.

"Minah rempit bangga bercerita menjadi perhatian lelaki walaupun ada antara mereka terpaksa menanggung 'balak' (teman lelaki) kerana cenderung tertarik dan terpedaya dengan keberanian serta kegagahan aksi akrobatik 'hero' masing-masing ketika memecut.

"Paling dahsyat apabila minah rempit dijadikan hadiah taruhan dalam pertandingan perlumbaan haram. Biasanya, mat rempit akan menawarkan teman wanita mereka sebagai ganjaran sekiranya lawan menang perlumbaan itu," katanya yang turut menjalankan program memperkasakan mat rempit bermasalah.

Pertambahan minah rempit dikatakan akibat pelbagai punca, antaranya dihalau keluarga, dileteri, masalah disiplin di sekolah, kemiskinan (ibu bapa pekerja bawahan dan tiada kesedaran pendidikan, anak mewarisi pekerjaan sama), ibu bapa bersikap 'tak kisah' serta tempat tinggal di kawasan setinggan atau rumah kos rendah.

INFO

Minah rempit

Rata-rata berusia
16 hingga 22 tahun

- Tidak berpelajaran tinggi
- Pendidikan setakat SPM atau PMR
- Berperwatakan menarik, lincah, ramping, menyamai model komersial
- Rupa paras mampu menarik perhatian lelaki

Kajian Intervensi Program Kem Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA)

- 100 responden dari kalangan mat rempit
- 20 peratus mengaku terbabat aktiviti seksual
- Rata-rata mengaku sering bertukar pasangan

Aksi berbahaya rempit

- **Wheelie** - menunggang laju sambil mengangkat tayar depan
- **Wikang** - mengangkat tayar belakang
- **Scorpion** - menunggang laju sambil kaki menghala ke atas
- **Superman** - menunggang laju sambil terbaring persis aksi Superman
- **Pereng/corner** - Menggesel jalan ketika menunggang di selekoh



Bendung gejala tak bermoral elak berleluasa

PEMBABITAN remaja perempuan dalam kegiatan lumba motosikal haram atau rempit termasuk melakukan aksi 'wheelie' dan 'wikang' walaupun dianggap kes terpencil, boleh mendatangkan kesan buruk pada masa akan datang.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata gejala itu boleh mendatangkan kesan buruk dan bakal menjadi parah, sekali gus sukar

dikawal sekiranya tidak dibendung dari awal.

Dalam menangani masalah berkenaan, katanya, ibu bapa perlu mengawasi anak mereka agar tidak berkawan dengan kumpulan berbahaya itu serta jangan terlalu sibuk dengan kerjaya masing-masing atau mengejar kemewahan kerana ia membuka peluang kepada anak bertindak lebih liar.

"Awasi anak dan perhatikan dengan siapa mereka berkawan, ke

mana mereka pergi dan awasi segala tindak tanduk mereka. Ini bukan untuk mengongkong anak tetapi untuk memastikan mereka tidak terjebak dalam kancah kehancuran. Peranan pendidik juga amat perlu dalam menangani gejala negatif.

"Kebanyakan minah rempit berusia 15 hingga 19 tahun iaitu dalam lingkungan pelajar sekolah atau institusi pengajian tinggi. Justeru, pendidik perlu menyusun elemen positif dalam proses

pengajaran agar pembentukan sifat yang positif dapat dilentur dalam jiwa pelajar," katanya.

Presiden RD Club Malaysia, Azhanyzam Zakaria, berkata minah rempit turut menyumbang kepada gejala sosial seperti ragut, maksiat, rogol serta samseng dan walaupun kes membabitkan gadis yang berani melakukan aksi berbahaya di jalan raya jarang didedahkan, ia sebenarnya memang wujud dan hal ini perlu ditangani dengan segera.



Tragedi hitam insafkan Amira

"SAYA betul-betul insaf dan berundur dari dunia rempit, malah tragedi hitam hampir setahun lalu sering menghantui hingga sering sukar melepaskan mata," demikian rintihan bekas minah rempit yang sebelum ini menjadikan aktiviti tidak bermanfaat itu rutin hariannya.

Amira, 19, (bukan nama sebenar) mengakui kehidupannya memang dipenuhi pelbagai kegiatan tidak berfaedah selepas berjinak-jinak dengan dunia malam setahun lalu akibat pengaruh rakan yang bebas keluar bersama mat rempit, ditambah pula dia sudah tidak belajar dan tidak bekerja ketika itu.

"Pada mulanya saya anggap mat dan minah rempit golongan bawahan dan 'tiada kelas'. Bagaimanapun, akhirnya tewas kepada godaan rakan yang membawa saya berkenalan dengan mat rempit," katanya yang berhenti sekolah pada umur 15 tahun.


Selepas mengenali kumpulan mat rempit, boleh dikatakan setiap malam Amira keluar bersosial dengan mereka, termasuk berlumba haram dan sebahagian besar tanpa segan silu melakukan seks bebas.

"Rasa seronok hanya seketika selepas tiga daripada rakan rempit terbunuh bertembung sesama sendiri ketika berlumba," katanya yang mula diburu perasaan takut sejak kejadian itu, apatah lagi tiga mat rempit yang maut itu kenalan rapatnya.

"Tragedi itu membuatkan saya fobia merempit. Namun, kadangkala perasaan untuk berlumba masih ada kerana merempit bagaikan satu kepuasan, tetapi rasa fobia dan takut mengatasi keinginan," katanya.

Sementara itu, Pakar Psikiatri Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Prof Dr Hus-sain Habil, berkata remaja perempuan sekarang semakin berani meletakkan diri dalam carta 'sampah masyarakat' sekali gus menyumbang kepada kesan lebih buruk kepada mereka.

"Sebelum terpengaruh lebih jauh, katakan tidak kepada kawan yang mahu memperkenalkan kita kepada aktiviti tidak sihat seperti rempit. Sekali terdedah kepada gejala



AMIRA bercerita mengenai kisah silam ketika bergelar minah rempit.

seperti itu, lama-kelamaan mereka tak kisah melakukannya sehingga melakukan perbuatan lebih teruk kerana sudah hilang rasa malu," katanya.

Beliau berkata, apabila seseorang gadis berkawan dengan kumpulan mat rempit, mereka akan terpengaruh untuk melakukan sesuatu yang mencabar bagi menyaingi kehebatan minah rempit lain selain mahu mendapat perhatian kumpulan mereka atau masyarakat.

"Apabila hilang rasa segan, mereka tidak akan teragak-agak melakukan perkara lebih berani daripada itu. Kalau dulu merempit, mungkin selepas itu terbabit aktiviti lebih negatif dan menganggunya lebih mencabar. Justeru, remaja perlu bijak memilih kawan kerana peranan kawan amat penting," katanya.